

Nama Suratkhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : Khamis, 2 Januari 2014

Mukasurat : 9

Pelancong antarabangsa pilih lebih 600 pakej sempena TMM 2014 200,000 buat tempahan awal

Utusan Maba (Khamis) 2/1/2014 ms 9

Oleh SHARAIMEI
SHAIK AHMEDULLAH
pengarang@utusan.com.my

SEPANG 1 Jan. - Lebih 200,000 pelancong luar negara telah menempah awal pakej pelancongan ke negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 sejak diuar-uarkan tahun lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Dr. Ong Hong Peng berkata, kebanyakan pelancong yang menempah awal pakej tersebut adalah dari beberapa negara benua Asia Barat, Eropah, China dan Jepun.

Beliau berkata, lebih 600 pakej pelancongan di seluruh negara ditawarkan antaranya destinasi membabitkan pulau peranginan, kebudayaan, pusat beli-belah dan tempat bersejarah.

"Sejak hujung November tahun lalu, permintaan terhadap pakej pelancongan ke negara ini menunjukkan peningkatan yang membebankan dan kita yakin dengan sambutan menggalakkan ini sasaran sebanyak 28 juta pelancong mampu dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyambut ketibaan sebanyak 69 pelancong dari Beijing dan 20 pelancong dari Shanghai, China di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



ONG Hong Peng (tengah) menyambut ketibaan pelancong dari China sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, semalam. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN

(KLIJA), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Mirza Mohd. Taiyab.

Menurut Hong Peng, pihaknya

menyasarkan sebanyak dua juta pelancong dari China melawat negara ini dalam TMM kali ini.

Dalam pada itu, katanya, bagi menggalakkan lebih banyak pengu-

saha pakej pelancongan menarik minat pelancong antarabangsa ke Malaysia, kerajaan turut menawarkan pakej menarik antaranya penganugerahan cukai dan cukai hotel.

"Untuk pengusaha yang berjaya membawa sebanyak 1,500 pelancong antarabangsa, kita menawarkan insentif berupa pengecualian cukai dan selain itu, kerajaan juga memberi kemudahan kepada pemain dalam industri ini untuk melabur membina infrastruktur produk pelancongan," katanya.

Sementara itu, mengulas isu keselamatan pelancong antarabangsa berikutan kes pembunuhan dan penculikan pelancong dari warga Taiwan oleh kumpulan pengganas Abu Sayyaf di Pulau Pom Pom tahun lalu, katanya, pihaknya bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama erat bagi menjaga keselamatan terutama menerusi kehadiran polis pelancong di setiap kawasan tumpuan.

"Selain itu, bagi memastikan pelancong antarabangsa ini tidak menjadi mangsa penipuan pengusaha kenderaan awam seperti pemandu teksi, kita juga bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi mengawasi gerak-geri mereka.

"Kita mengambil serius isu ini kerana sebagai tuan rumah dalam Tahun Melawat Malaysia kali ini layanan istimewa dan terbaik perlu diberikan kepada semua pelancong bagi memberi imej baik pada negara," katanya.